

prihatin

BERITA SPANCO

sentiasa bersama mu

JILID 2
11

MEI - OGOS




10

MASALAH TIDUR JADI
RISIKO BUAT SYARIKAT
PENGENDALI FLEET



18

KENALI DAN JINAKKAN
PROTON INSPIRA
ANDA



20

SISTEM AEB
MASA DEPAN KESELAMATAN
JALAN RAYA?




**Aidilfitri: Nilai
Perhubungan
Insan Dengan
Allah Dan
Sesama Manusia**

Ketahui hak anda

TAHUKAH anda? Perkhidmatan Penyenggaraan dan Pembaikan yang disediakan oleh kami melayakkan pelanggan mendapatkan servis sekerap mana yang diperlukan.


Servis menyeluruh tanpa had ini merangkumi:

- ❖ **Penyenggaraan berjadual**
 - servis kecil (setiap 10,000km)
 - servis utama (setiap 40,000km dan 100,000km)
- ❖ **Penyenggaraan biasa**
 - mengganti tayar
 - servis penyaman udara
 - mengganti bateri
 - alat-alat ganti seperti penyerap hentakan, pad brek dan lain-lain
- ❖ **Penyenggaraan baik pulih**
 - kemalangan & membaiki badan kereta
 - kerosakan mekanikal
- ❖ **Bantuan kecemasan**
 - Pusat Panggilan 24-jam seluruh negara
 - menunda kenderaan



Pelanggan SPANCO diminta supaya **tidak melakukan sendiri** apa jua keperluan servis yang dikehendaki sebaliknya mendapatkannya di Rangkaian Pusat Servis yang disediakan.

**Hubungi Pusat Panggilan
1-800-88-6999 untuk dapatkan
temu janji anda.**



Nostalgia Indah Aidilfitri Dan Komitmen SPANCO

Tingkatkan Kecekapan Operasi

SALAM Aidilfitri dan Salam 1Malaysia. Kami mendoakan semoga seluruh umat Islam menyambut dan meraikan Hari Lebaran yang mulia ini dengan penuh kesyukuran kerana bertuah dianugerahkan kehidupan aman serta damai di bumi bernama Malaysia. Aidilfitri pastinya meninggalkan pelbagai nostalgia kepada kita semua. Semoga yang menjadi ingatan dan kenangan itu adalah peristiwa manis serta detik yang membahagiakan.

Justeru, sempena Aidilfitri ini, jangan calarkan suasana girang dan meriah itu dengan tragedi. Apa yang sentiasa dipesan-pesankan oleh ibu bapa, orang tua atau sanak-saudara sejourus kita melangkah keluar dari rumah mereka ialah supaya berhati-hati dan bersabar apabila memandu. Andai mesej ringkas ini kita faham dan amalkan, nescaya nostalgia Aidilfitri kali ini adalah yang manis belaka – bukan tragedi kemalangan jalan raya yang meruntun air mata serta meluluhkan harapan orang yang tercinta.

SPANCO kini mengurus selia lebih 9,000 kenderaan berbanding hanya 2,200 buah ketika mengambil alih fleet Kerajaan Persekutuan pada 1994. Pertambahan kenderaan yang berlipat kali ganda itu memberi cabaran besar buat SPANCO untuk menguruskan fleet dan pada masa yang sama perlu meningkatkan mutu perkhidmatan serta mengekalkan kepuasan pelanggan.

SPANCO menggalas cabaran dan komitmen untuk terus mengekalkan tahap kecekapan bukan sahaja dari segi perolehan dan pembekalan kereta malah paling utama ialah dalam menyenggara



Tempoh senggaraan (*turnaround time*) yang mampu disiapkan dengan lebih singkat adalah bukti kecekapan warga kerja SPANCO menguruskan tugas untuk menjamin kepuasan pelanggan.

dan membaik pulih kereta yang dibekalkan kepada pelanggan sepanjang tempoh empat hingga lima tahun mereka menggunakannya.

Fokus di SPANCO sekarang ialah meningkatkan prestasi kecekapan dalam menyempurnakan tugas servis dan baik pulih. Tempoh senggaraan (*turnaround time*) yang mampu disiapkan dengan lebih singkat adalah bukti kecekapan warga kerja SPANCO menguruskan tugas untuk menjamin kepuasan pelanggan.

Jumlah VOR (*vehicle off road*) juga semakin menurun apabila purata 2.28% dicatatkan pada suku kedua 2011 berbanding 2.36% pada suku pertama 2011. Fokus turut diberi kepada usaha meningkatkan *throughput* tanpa mengabaikan mutu dan hasil kerja.

Tidak lupa juga bahawa pada masa sama, cabaran SPANCO ialah mengekalkan tahap pulangan di samping aliran tunai bagi menjamin perkembangan dan pertumbuhan Syarikat.

Selain itu, pasaran kereta terpakai yang kurang stabil merupakan satu lagi cabaran besar yang menyukarkan SPANCO untuk melupuskan kenderaan apabila tamat tempoh pajakan.

Meneruskan langkah dan merealisasikan perancangan, SPANCO juga dalam proses menaiktarafkan perisian pengurusan fleet bagi memastikan warga kerjanya memiliki sistem teknologi maklumat terkini yang mampu mengendalikan saiz fleet yang lebih besar seperti yang ada sekarang.

Akhir kata, Pihak Pengurusan SPANCO ingin mengucapkan Selamat Berpuasa dan Salam Aidilfitri kepada seluruh rakan niaga dan warga kerja yang beragama Islam.

Dato' Hamzah Mohd Salleh
Ketua Pegawai Eksekutif





PENAUNG

Dato' Hamzah Mohd Salleh

SIDANG PENGARANG

Mubarak Ali Gulam Rasul
Peter Lim
Zulkifli Abd. Aziz
Rusman Bassri

PENERBIT

SPANCO Sdn Bhd (172957-U)
No. 2, Jalan Perusahaan 2
Kawasan Perusahaan Batu Caves
68100 Batu Caves.
Tel : 03-6192 8888 Faks : 03-6192 8999
emel : prihatin@spanco.com.my
web : www.spanco.com.my
Talian bebas tol : 1-800-88-6999

PENCETAK

Miracle Offset Print Sdn Bhd
No. 15, Jalan PBS 14/3
Taman Perindustrian Bukit Serdang
43300 Seri Kembangan.
Tel : 03-8941 4013 Faks : 03-8941 4014

PERUNDING PENERBITAN

Executive Mode Sdn Bhd (317453-P)

Sila hantar komen, pandangan dan sumbangan karya anda kepada Sidang Pengarang seperti di alamat penerbit yang tertera di atas. Bahan penulisan hendaklah disertakan sekali dengan nama, alamat dan nombor telefon anda. Sidang Pengarang berhak melakukan penyuntingan sebelum karya diterbitkan.

Menarik keluaran ini



8



12



14



17

PERUTUSAN

03 Nostalgia Indah Aidilfitri Dan Komitmen SPANCO Tingkatkan Kecekapan Operasi

SERVIS

- 05** Pentingkah Kereta Menjalani Penyelenggaraan Berkala?
- 06** Tahap Servis Suku Kedua 2011: Prestasi Fleet Meningkat, Servis Bertambah
- 08** Pusat Panggilan Beroperasi 24 Jam Sediakan Bantuan

KESELAMATAN

- 10** Masalah Tidur Jadi Risiko Buat Syarikat Pengendali Fleet

KHAS AIDILFITRI

- 12** Aidilfitri: Nilai Perhubungan Insan Dengan Allah Dan Sesama Manusia
- 14** Tingkatkan Keselamatan Rumah, Amalkan Pemanduan Berhemah, Perjalanan Lancar, Ceria Menjelang 1 Syawal

PENJAGAAN KERETA

- 17** Jangan Lupa Periksa Tayar Anda
- 18** Kenali Dan Jinakkan Proton Inspira Anda

TEKNOLOGI

- 20** Sistem AEB Masa Depan Keselamatan Jalan Raya?

KESIHATAN

- 22** Jom Kita 'Pekena' Kopi

Pentingkah Kereta Menjalani Penyelenggaraan Berkala?

SETIAP kereta adalah sama seperti mesin atau jentera yang lain iaitu perlu disenggarakan, justeru mematuhi jadual penyelenggaraan tidak sama sekali boleh diabaikan.

Pemandu atau pemilik kereta harus mematuhi jadual penyelenggaraan yang disarankan oleh pengeluar supaya prestasi keretanya mampu mencapai tahap yang optima sepanjang hayat kenderaan tersebut.

Di samping itu penyelenggaraan secara berkala juga membantu dalam mengekalkan penjimatan minyak, keselesaan dan keselamatan pemandu serta penumpang.

Jadual penyelenggaraan menyenaraikan maklumat-maklumat yang berkaitan dengan tempoh dan jarak di mana bahagian atau peralatan tertentu perlu diperiksa atau diganti.



Kereta yang tidak disenggarakan mengikut jadual boleh mengundang bahaya tanpa kita sedari. Jika diabaikan, kerosakan yang tidak diduga mungkin berlaku.



Antaranya, penukaran minyak enjin adalah aspek servis paling utama dan perlu dilakukan tanpa kompromi. Ini kerana lama kelamaan, minyak akan berubah akibat penggunaan dan terdedah kepada suhu terlampau. Keupayaannya sebagai pelincir menjadi kurang berkesan dan menyebabkan komponen dalaman enjin bergesel antara satu sama lain.

Aspek-aspek lain yang perlu disenggarakan mengikut piawaian pengeluar kenderaan adalah seperti penapis minyak dan udara, penjarangan tayar, servis sistem penyejukan serta pemeriksaan brek.

Kereta yang tidak disenggarakan mengikut jadual boleh mengundang bahaya tanpa kita sedari. Jika diabaikan, kerosakan yang tidak diduga mungkin berlaku yang boleh mengakibatkan *breakdown* atau kemalangan.

Oleh itu, jangan sekali-kali lupa untuk menghantar kereta anda untuk servis berjadual yang berikutnya kerana ini turut menjamin keselamatan anda dan penumpang yang anda bawa.



Petua Untuk Mematuhi Jadual Penyelenggaraan Kereta Anda

Mematuhi jadual penyelenggaraan secara konsisten sebenarnya tidak sukar tetapi perlu ada disiplin dan perancangan oleh pemilik kereta.

Bagaimanapun tempoh yang agak lama antara jadual servis iaitu dari tiga hingga enam bulan bagi perbatuan yang biasa, menyebabkan kita kadang kala terlupa untuk melaksanakannya.

Berikut adalah petua mudah yang dapat mengingatkan anda:

- Manfaatkanlah teknologi sedia ada – contohnya, aplikasi di dalam telefon bimbit boleh digunakan sebagai peringatan servis berjadual kepada pemilik kenderaan.
- Peringatan melalui e-mel pula adalah kaedah mudah dan murah untuk mengingatkan kita mengenai tarikh penting termasuk temu janji penyelenggaraan.
- Minta pertolongan suami atau isteri untuk mengingatkan anda tentang jadual penyelenggaraan akan datang.
- Paling mudah, gunakanlah khidmat peringatan servis yang disediakan oleh pusat servis yang anda biasa kunjungi.
- Kebanyakan pusat servis melekatkan label pada cermin hadapan kereta bagi mengingatkan pemandu dan pemilik akan jadual servis yang berikutnya.

Catatan: Pelanggan-pelanggan SPANCO akan menerima peringatan servis melalui pos sebagai pemberitahuan supaya menghantar kenderaan bagi menjalani servis berjadual.



Tahap Servis Suku Kedua 2011

Prestasi Fleet Meningkat, Servis Bertambah

TAHAP prestasi fleet SPANCO terus meningkat apabila mencatatkan jumlah *vehicle off road* (VOR) sebanyak 2.28% bagi suku kedua 2011 berbanding 2.36% bagi suku pertama 2011.

Peratus VOR (kereta yang tidak dapat bergerak pada satu-satu masa) itu, dapat dikurangkan walaupun dengan pertambahan *throughput* atau jumlah servis di seluruh negara.

Bilangan VOR sentiasa dikekalkan kurang dari 3%, manakala tahap boleh gerak pula melebihi 97% sejak SPANCO mengambil alih fleet Kerajaan Persekutuan pada 1994.

Sasaran kini ialah untuk terus memperbaiki prestasi itu dengan hanya

200 unit VOR dalam sehari. Sasaran itu akan tetap dikekalkan pada 200 unit sehari walaupun jumlah fleet yang diuruskan melebihi 9,000 unit kenderaan.

Vehicle off road

Bagi suku kedua 2011 (April hingga Jun), purata 218 unit sehari (2.28%) daripada jumlah keseluruhan kereta tidak dapat digunakan pelanggan kerana menjalani servis di pusat servis SPANCO.

Kadar VOR dapat dikurangkan daripada purata 222 unit sehari (2.36%) yang dicatatkan antara Januari hingga Mac 2011. Secara terperinci, fleet mencatatkan purata 215 unit VOR (2.25%) pada April, 217 unit (2.27%) pada Mei dan 222 unit (2.32%) pada Jun lalu.



Sasaran kini ialah untuk terus memperbaiki tahap prestasi itu dengan hanya 200 unit VOR dalam sehari.

Penjelasan istilah

VOR adalah istilah dalam industri automotif bermaksud kenderaan yang sedang menjalani servis sama ada berjadual ataupun baik pulih, justeru tidak dapat digunakan.

Turnaround time ialah tempoh senggaraan iaitu masa yang diambil untuk menyiapkan sesuatu tugas servis.

Throughput bermaksud jumlah tugas servis yang berjaya disiapkan.

Jadual 1

Suku Kedua 2011	Purata Bilangan Kereta Tidak Boleh Gerak Dalam Sehari	Peratus
April	215	2.25%
Mei	217	2.27%
Jun	222	2.32%
Purata Keseluruhan	218	2.28%

Tempoh senggaraan

Bagi suku kedua 2011, sejumlah 46% daripada keseluruhan servis yang dilaksanakan di Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dapat disiapkan pada hari sama kereta dibawa masuk.

Selebihnya, 18% tugas servis disiapkan dalam masa sehari, 10% (dua hari), 14% (3-5 hari) dan 12% (6 hari atau lebih). Di PSW Bangi pula, 74% (hari yang sama), 11% (sehari), 4% (dua hari), 6% (3-5 hari) dan 5% (6 hari atau lebih).

Manakala 85% daripada tugas servis di Pusat Servis Diiktiraf (PSD) seluruh negara mampu disiapkan pada hari yang sama, 8% (sehari), 2% (2 hari), 3% (3-5 hari) dan 2% (6 hari atau lebih).

Throughput


Bagi suku kedua 2011, sejumlah 20,358 servis dilakukan terhadap kereta fleet Kerajaan Persekutuan yang diselia SPANCO. Jumlah itu merupakan peningkatan daripada 17,955 servis yang dilakukan bagi keseluruhan suku pertama 2011.

Dari jumlah itu juga, 5,153 servis (25%) dilaksanakan di PSW Batu Caves manakala 3,673 servis (18%) di PSW Bangi. Selebihnya 11,532 servis (57%) di PSD seluruh negara.

Jumlah servis yang dilakukan di PSD seluruh negara dijangka terus meningkat selaras pertambahan jumlah fleet yang kini hampir mencecah 10,000 unit. Walaupun jumlah fleet terus bertambah, namun pelanggan tetap menikmati tahap servis yang memuaskan tanpa sebarang kompromi.

Carta 1

Jumlah Servis Mengikut Tempoh Disiapkan - Suku Kedua 2011



Keseluruhannya, 73% daripada servis yang dilakukan ke atas fleet dalam suku kedua 2011 dapat disiapkan pada hari yang sama. Secara perbandingan, 69% daripada servis yang dilaksanakan dalam suku pertama 2011 mampu disiapkan pada hari yang sama.


Carta 2

Keseluruhan Servis SPANCO Mengikut Tempoh Senggaraan - Suku Kedua 2011



Carta 3

Analisis 'Throughput' SPANCO Bagi Suku Kedua 2011



Pusat Panggilan Beroperasi 24 Jam Sediakan Bantuan



KEUTAMAAN SPANCO ialah memastikan setiap pelanggan sentiasa mendapat perkhidmatan yang terbaik termasuk menyediakan Pusat Panggilan 24 jam melalui talian bebas tol **1-800-88-6999**.

Pusat Panggilan yang beroperasi tujuh hari seminggu dan sepanjang tahun itu boleh dihubungi pelanggan pada bila-bila masa jika menghadapi masalah dengan kereta SPANCO seperti kerosakan enjin, kemalangan, kecurian mahupun kecemasan.

Pusat Panggilan disokong oleh rangkaian servis SPANCO terdiri daripada dua Pusat Servis Wilayah (PSW) Batu Caves dan PSW Bangi selain lebih 200 Pusat Servis Diiktiraf (PSD) di seluruh Malaysia.

Bagi kes yang berlaku di sekitar Lembah Klang, Pusat Panggilan akan mengarahkan pasukan bantuan kerosakan SPANCO segera bergegas ke lokasi kejadian. Di luar Lembah Klang, Pusat Panggilan akan menghubungi PSD berdekatan dengan lokasi pelanggan untuk memberikan bantuan selanjutnya.

Untuk kerosakan kecil, pasukan bantuan yang tiba akan membaiki kenderaan yang rosak di tempat kejadian tetapi jika kerosakan teruk dan perlu diberi perhatian

selanjutnya maka kenderaan itu akan ditunda ke PSW atau PSD.

Dengan anggota pasukan yang cekap dan mahir, matlamat SPANCO ialah memastikan kenderaan dibaiki dengan kadar segera supaya pelanggan dapat meneruskan perjalanan mereka dengan selamat.

Perkhidmatan Pusat Panggilan 24 jam adalah selaras komitmen Pengurusan Fleet Profesional untuk memastikan pelanggan SPANCO menikmati pengalaman pemotoran yang lancar tanpa sebarang masalah.

Percuma untuk semua pertanyaan, urusan

Perkhidmatan Pusat Panggilan turut meliputi segala keperluan berkaitan perkhidmatan Pengurusan Fleet Profesional SPANCO.

Ini bermakna sesiapa saja yang menggunakan kenderaan SPANCO boleh menghubungi Pusat Panggilan untuk pertanyaan, nasihat atau mendapatkan perkhidmatan.

Anda boleh menelefon **1-800-88-6999** untuk:

- Mengetahui status servis dan

pembaikan kereta anda.

- Membuat temu janji servis.
- Memohon kit penjagaan kereta.
- Membuat aduan.
- Memberi maklum balas mengenai perkhidmatan SPANCO.

Sekiranya pelanggan tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan oleh mana-mana PSD atau terdapat percanggahan mengenai servis atau pembaikan yang diterima, anda dinasihatkan menghubungi **1-800-88-6999** dengan segera.



Perkhidmatan Pusat Panggilan 24 jam adalah selaras komitmen Pengurusan Fleet Profesional untuk memastikan pelanggan SPANCO menikmati pengalaman pemotoran yang lancar tanpa sebarang masalah.

Pasukan Kawalan Senggaraan



Terlatih dan berpengalaman



Pusat Panggilan dikendalikan petugas terlatih dan berpengalaman untuk membantu pelanggan. Ia di bawah kawal selia Unit Kawalan Senggaraan

diketuai Pengurusnya, Azahari Md Lazim (gambar), yang memiliki lebih 25 tahun pengalaman dalam bidang servis automotif termasuk berkhidmat di syarikat terkemuka Cycle & Carriage.

Seramai 13 kakitangan menganggotai pasukan Unit Kawalan Senggaraan iaitu:

- Azahari Md Lazim, Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal.
- Richard Velayuthan, Penolong Pengurus Kawalan Senggaraan dan Teknikal.
- Nor Azhan Abdul, Eksekutif Kanan Kawalan Senggaraan (Audit Servis).
- Hebat Azali Mat Jalid, Eksekutif Kawalan Senggaraan dan Teknikal (Audit Servis).
- Abdel Aziz Sahrim, Eksekutif Kawalan Senggaraan.
- Mohd Ishak Shukor, Eksekutif Kawalan Senggaraan.

- Ahmad Saiful Fazli Darus, Eksekutif Kawalan Senggaraan.
- Mohd Zaid Ilias, Eksekutif Kawalan Senggaraan.
- Muhammad Zaidi Zakeri, Kawalan Senggaraan (Tuntutan Insurans).

- Abdul Rahman Nawar, Kawalan Senggaraan.
- Ramesh Ramasamy, Kawalan Senggaraan.
- Ahmad Firdaus Md Daud, Kawalan Senggaraan (Tuntutan Insurans).
- Mohamed Fareed Omar, Kawalan Senggaraan.

Dalam menguruskan panggilan kecemasan yang diterima di Pusat Panggilan, Unit Kawalan Senggaraan mensasarkan supaya setiap panggilan mesti dijawab tidak lebih daripada tiga deringan telefon dan pasukan bantuan tiba ke lokasi kecemasan dalam tempoh 45 minit.

Selain mengendalikan Pusat Panggilan, Unit Kawalan Senggaraan turut menguruskan beberapa tugas utama seperti:

- Berurusan dengan PSD di seluruh negara.
- Memberikan kod kelulusan.
- Memantau kerja servis dan pembaikan.
- Memantau prestasi PSD.
- Menyediakan kereta ganti untuk pelanggan yang layak.

ASC e-approval memudahkan urusan

SPANCO juga sentiasa memastikan faktor lokasi dan jarak bukan penghalang dalam meningkatkan mutu perkhidmatan kepada pelanggan.

Melalui perkhidmatan ASC e-approval dan penghantaran gambar kerosakan dan kemalangan dalam bentuk digital, Unit Kawalan Senggaraan dapat memberikan kelulusan segera kepada PSD seterusnya tempoh untuk menyiapkan servis dan pembaikan dapat disegerakan.

ASC e-approval adalah satu modul dalam Sistem Pengurusan Fleet Bersepadu

yang menggabungkan maklumat lengkap pelanggan, kenderaan yang digunakan dan sejarah penyenggaraan.

Bagi memastikan perkhidmatan pantas dan lancar untuk pelanggan SPANCO, Pusat Panggilan memanfaatkan sistem itu dalam berurusan dengan PSD di seluruh negara.

Aplikasi itu membolehkan PSD mendapatkan kod kelulusan melalui Internet serta-merta di mana petugas di PSD dan di Pusat Panggilan merujuk kepada sumber maklumat yang sama dan dalam masa yang sebenar.

Setiap kali sebuah kenderaan SPANCO dibawa masuk ke mana-mana pusat servis, petugas yang mahu melakukan servis ataupun pembaikan yang dikehendaki, hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran bagi menyemak status dan sejarah kenderaan itu.

Ini bermakna segala urusan antara pelanggan SPANCO, Pusat Panggilan dan PSD dipermudah dan dipercepatkan.

Kelebihan ASC e-approval:

- Proses melalui Internet.
- Kelulusan sepantas 15 minit.
- Hanya perlu memasukkan nombor pendaftaran untuk menyemak sejarah servis dan pembaikan kereta.
- Rekod dikemaskini secara automatik.
- Memaparkan harga alat ganti terkini.
- Pelanggan mendapatkan semula kereta yang diservis dengan lebih cepat.

Masalah Tidur Jadi Risiko Buat Syarikat Pengendali Fleet

BERATUS-RATUS pemandu kereta dan van syarikat berhadapan dengan risiko tertidur ketika memandu kerana keadaan yang tidak didiagnosis.

Pemandu yang mempunyai masalah apnea tidur berisiko untuk terlelap ketika memandu dan terlibat dalam kemalangan, tetapi keadaan ini sukar untuk dikesan memandangkan mereka mungkin menghidapnya tanpa disedari.

Dianggarkan 800,000 orang di United Kingdom menghidapi apnea tidur, iaitu keadaan yang mengganggu pernafasan ketika sedang tidur. Menurut Perkhidmatan Kesihatan Kebangsaan UK atau NHS, hanya satu daripada empat orang yang menghidapi apnea tidur didiagnosis dengan keadaan ini.

Meskipun sebenarnya apnea tidur lazim berlaku namun sesetengah pemandu mungkin tidak sedar akan kewujudan gangguan tidur ini, apatah lagi mengenali tanda-tandanya.

"Saya selalu tertanya-tanya mengapa saya mudah terlena tak kira di mana sahaja dan apabila terjaga, saya akan merasa letih walaupun selepas sembilan jam tidur," kata Alan Mills, seorang kakitangan di Arnold Clark Vehicle Management yang mempunyai masalah apnea tidur.

"Apabila memandu jarak jauh terutamanya di lebuh raya, saya akan sering

terlelap dan perlu berhenti di setiap stesen minyak untuk minum kopi."

Mills percaya majikan mempunyai tanggungjawab mendidik kakitangan mereka tentang kesan dan simptom apnea tidur terutamanya kepada pemandu yang memandu jarak jauh.

"Saya rasa penting bagi pengurus fleet melihat perkara ini dari sudut kesihatan

sehingga mengakibatkan keletihan teruk yang boleh mengancam keselamatan diri dan penumpang yang dibawa.

Begitu pun, kesedaran hanya dibangkitkan baru-baru ini dan kebanyakan pengamal perubatan masih keberatan untuk merujuk atau mendiagnosis pesakit.

"Keadaan ini telah lama wujud, tetapi

“ Saya selalu tertanya-tanya mengapa saya mudah terlena tak kira di mana sahaja dan apabila terjaga, saya akan merasa letih walaupun selepas sembilan jam tidur. ”

dan keselamatan. Sesiapa sahaja yang memandu lebih daripada 25,000 batu perlu diselidik sama ada wujud sebarang simptom," kata Mills.

Gangguan apnea tidur biasa berlaku di kalangan mereka yang berumur antara 35 hingga 54 tahun, walaupun golongan yang lain, termasuk kanak-kanak juga tidak terkecuali. Ia menghalang mereka, terutama yang bekerja sebagai pemandu, daripada mendapat tidur yang sempurna

baru sekarang kita bercakap mengenainya," kata Mills.

Menurut Mills lagi, doktor yang merawatnya sedar bahawa ada sesuatu yang tidak kena tetapi tidak merujuk kepada pakar kerana masalah itu tidak dapat dikenal pasti. Manakala ujian bagi mengesan diabetes, masalah zat besi dan tiroid pula menghasilkan keputusan negatif.

Selepas menjalankan kajian sendiri

terhadap simptom-simptom yang dialaminya, Mills berjaya meyakinkan doktor yang sama untuk merujuk beliau kepada pakar neurologi.

Mills kemudian diberikan kit ujian bagi mengukur corak tidur untuk tiga malam di rumah. Apabila beliau memulangkan semula kit tersebut, didapati bahawa Mills mengalami 50 episod gangguan tidur pada satu malam, yang mengurangkan separuh waktu tidur sebenarnya.

Rawatan bagi apnea tidur bergantung kepada tahap serius dan ia termasuklah alat yang dipasangkan di mulut pada waktu malam, topeng selain pembedahan bagi kes-kes teruk.

Di UK, pemandu apabila didiagnosis, mestilah memaklumkan kepada Pihak Berkuasa Jabatan Pelesenan atau DVLA. Menurut undang-undang, mereka tidak dibenarkan memandu lagi sehinggalah DVLA mengesahkan yang pemandu sedang mendapat rawatan.

Apnea = Pernafasan terhenti



Sukar didiagnosis

Gangguan apnea tidur atau OSA adalah keadaan yang menyebabkan gangguan pernafasan semasa tidur. Otot dan tisu lembut pada tekak mengendur dan jatuh sehingga menutup laluan udara sepenuhnya selama 10 saat atau lebih.

Kekurangan oksigen akibat pernafasan yang terhalang menyebabkan tidur nyenyak terganggu dan menjadi kurang lena. Penghidap kerap terjaga bagi tempoh yang singkat untuk mendapatkan pernafasan dengan normal.

Gangguan berulang semasa tidur yang disebabkan oleh OSA ini menjadikan penghidap berasa sangat letih pada siang hari.

Oleh kerana mereka tidak mempunyai sebarang ingatan tentang gangguan yang dialami itu, maka penghidap OSA tidak sedar yang mereka tidak menikmati tidur yang sempurna pada waktu malam. Menurut NHS keadaan ini selalunya dihidapi tanpa disedari di mana hanya satu daripada empat orang yang menghidap apnea tidur sahaja didiagnosis.

Jika dibiarkan tanpa rawatan, OSA boleh meningkatkan risiko tekanan darah tinggi, serangan jantung, diabetes jenis 2 serta menjejaskan prestasi kerja.

Simptom-simptom Apnea Tidur

- Sesak nafas yang membuatkan anda terjaga dari tidur
- Nafas terhenti sejenak berselang-selang semasa tidur
- Rasa mengantuk yang amat sangat pada waktu siang
- Tidak dapat menumpukan perhatian
- Sakit kepala pada waktu pagi
- Kemurungan



Perlu maklumkan pihak berkuasa

Seorang jurucakap DVLA berkata: "Menurut undang-undang, semua pemandu mesti memaklumkan kepada DVLA sekiranya mereka mempunyai masalah perubatan, termasuklah gangguan tidur seperti OSA, yang boleh menjejaskan keupayaan mereka untuk memandu. Apabila dimaklumkan, DVLA akan melaksanakan penilaian perubatan bagi memastikan sama ada pemandu tersebut boleh mengekalkan lesen mereka.

"Pemegang lesen mungkin dibenarkan memandu sekiranya mereka dapat mengawal simptom dengan memuaskan. Dalam sesetengah kes, OSA boleh dirawat sepenuhnya dan kesan terhadap rawatan selalunya cepat."

sumber: Fleet News, UK



Aidilfitri:

Nilai Perhubungan Insan Dengan Allah Dan Sesama Manusia

SELEPAS sebulan berpuasa Ramadan, akhirnya umat Islam meraikan sambutan Aidilfitri pada 1 Syawal. Aidilfitri disambut sebagai menzahirkan rasa syukur ke hadrat Allah yang telah memberi kemenangan kepada umat Islam yang mengharungi pelbagai dugaan ketika berpuasa dan melawan hawa nafsu.

Aidilfitri adalah hari yang luhur, bahagia dan mulia. Umat Islam diwajibkan untuk menyambut hari kebesaran itu dengan penuh rasa kesyukuran dan kegembiraan atas kemenangan dalam perjuangan menentang hawa nafsu sepanjang bulan sebelum itu iaitu bulan Ramadan.

Nilai dan unsur pertama di sebalik sambutan Aidilfitri ialah mewujudkan hubungan antara Allah S.W.T sebagai Sang Pencipta dengan insan sebagai ciptaan-Nya. Hubungan ini dipaparkan dengan umat Islam digalakkan mengimarahkan malam Aidilfitri dengan bertakbir dan bertahmid secara lantang memuji kebesaran Allah S.W.T yang mengizinkan hamba-Nya antara lain melalui proses pembersihan roh, jiwa dan diri dengan melakukan ibadah puasa Ramadan.

Takbir dan tahmid yang berkumandang

sepanjang sambutannya adalah amalan yang disyariatkan sekali gus membezakan Aidilfitri dengan hari perayaan lain.

“Supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), supaya kamu membesarkan Allah (dengan bertakbir) kerana telah memberi petunjuk-Nya kepada kamu dan supaya kamu bersyukur.” (Surah al-Baqarah ayat 185).

Sempena Aidilfitri, umat Islam juga dituntut saling ziarah menziarahi ahli keluarga, sanak-saudara serta sahabat handai. Hulurkan kedua-dua belah tangan dan saling memohon ampun kemaafan atas apa juga salah silap serta kesalahan yang berlaku secara disedari atau tidak.

Di sinilah terdirinya nilai kedua iaitu memperkukuhkan hubungan manusia dengan manusia lain. Roh Aidilfitri yang luhur dan murni dengan

sendirinya mengizinkan amalan saling bermaafan secara tulus ikhlas sekali gus meruntuhkan keegoan seseorang yang mungkin sukar memaafkan seseorang yang lain pada hari di luar sambutan Aidilfitri.

Sebenarnya, inilah hikmah berpuasa Ramadan yang berjaya melunturkan banyak sifat-sifat buruk insan sebaliknya menyuburkan sifat positif termasuk kasih sayang serta komitmen untuk membantu insan saudara seagama yang kurang bernasib baik melalui zakat fitrah yang diserahkan kepada amil selewat-lewatnya sebelum menunaikan solat sunat Aidilfitri.

Untuk memantapkan kesan puasa Ramadan dan terus menyuburkan kesyukuran seperti yang dilaungkan pada 1 Syawal, umat Islam disyariatkan menunaikan puasa sunat enam Syawal iaitu bermula hari kedua atau mana-mana hari selama enam hari berturut-turut atau hari yang dipilih dalam bulan Syawal.

“Sesiapa yang berpuasa pada bulan Ramadan lalu diiringi dengan puasa enam hari di bulan Syawal, seolah-olah dia telah berpuasa setahun.” (Hadis riwayat Muslim).

“Supaya kamu cukupkan bilangan puasa (sebulan Ramadan), supaya kamu membesarkan Allah (dengan bertakbir) kerana telah memberi petunjuk-Nya kepada kamu dan supaya kamu bersyukur.”

(*Surah al-Baqarah ayat 185*).

Semoga, proses membersihkan diri, memperkasakan jati diri serta penyuburan sifat mulia yang berlaku sepanjang Ramadan serta kesan dalam daripada ibadah mengeluarkan zakat fitrah serta menyambut Aidilfitri berlandaskan syariat Islam maka semua Insya-Allah akan melahirkan seorang insan yang lebih mulia termasuk berhemah, bertoleransi, tenang dan sabar ketika memandu kenderaan di jalan raya.

Adab Menyambut Aidilfitri

- Mengimarhkan malam Aidilfitri dengan memperbanyakkan amal ibadah.
- Mandi sunat Aidilfitri.
- Memakai bau-bauan yang harum.
- Memakai pakaian yang paling baik.
- Menjamah sedikit makanan sebelum ke masjid.
- Menunaikan zakat fitrah sebelum solat sunat Aidilfitri.
- Berjalan kaki ke masjid dengan tenang dan tawaduk.
- Bertakbir ketika berjalan ke masjid.
- Mengikut jalan yang berbeza ketika pergi dan kembali daripada menunaikan solat Aidilfitri.
- Mengucapkan salam, tahniah serta bermaaf-maafan apabila berjumpa saudara Muslim.
- Mengelakkan pembaziran.
- Menjauhi segala perbuatan maksiat dan sia-sia.
- Menunaikan puasa sunat enam Syawal.





AIFILFITRI datang lagi dan sepanjang anda meninggalkan rumah serta mengharungi perjalanan balik kampung, semoga semua berada dalam keadaan selamat.

Namun, ada pihak tidak bertanggungjawab yang mengintai peluang mencaroboh masuk rumah ketika anda meraikan sambutan 1 Syawal bersama keluarga dan sanak-saudara di kampung.

Justeru, sebelum anda balik ke kampung pastikan struktur penting seperti pagar, jeriji, tingkap dan pintu dalam keadaan berkunci serta kukuh sekali gus boleh mengatasi percubaan penjenayah yang cuba memecah masuk rumah anda.

Jangan rasa rugi untuk membeli perkakasan atau alat set masa supaya lampu tertentu di dalam dan luar rumah anda menyala serta padam pada masa ditetapkan.

Tindakan lain yang boleh diambil ialah memaklumkan sepanjang ketiadaan anda di rumah kepada jiran di kanan kiri atau paling hampir supaya mereka prihatin dengan sebarang kemungkinan di rumah anda.

Satu lagi tindakan bijak dan tepat adalah untuk memaklumkan perkara sama kepada pihak balai polis atau pusat Rukun Tetangga berhampiran supaya rondaan mereka turut membabitkan sekitar rumah anda.

Kita juga kadang kala terlepas pandang atau tidak sengaja meninggalkan petunjuk bahawa kita tidak ada di rumah. Misalnya, bungkusan langganan roti, surat khabar atau susu segar di pagar. Pastikan anda membatalkan semua langganan itu apabila anda balik kampung atau bercuti di luar daerah.

Tip penting untuk diamalkan:

- Tinggalkan rumah dalam keadaan baik.
- Batalkan semua langganan.
- Setkan nyalaan lampu tertentu.
- Hantar kereta untuk servis sebelum balik ke kampung.
- Bawa bekalan makanan dan minuman.
- Bawa perkakas tambahan seperti lampu suluh, telefon, baju hujan dan payung.
- Tumpukan perhatian ketika memandu dan jangan sekali-kali memandu dalam keadaan anda lalai, cedera, mengantuk, keletihan, tidak sihat dan tertekan.
- Jangan memecut ketika keadaan lebuhraya dan jalan sesak.

Tingkatkan Keselamatan Rumah, Amalkan Pemanduan Berhemah, Perjalanan Lancar, Ceria Menjelang 1 Syawal



Awass memandu ketika musim perayaan

Ada di kalangan kita yang asyik menyediakan persiapan Hari Raya sehingga tidak berkesempatan menghantar kenderaan untuk diservis selain memeriksa status cukai jalan dan perlindungan insurans.

Untuk pelanggan SPANCO, anda boleh menghantar kenderaan ke Pusat Servis Diiktiraf (PSD) untuk pemeriksaan sekurang-kurangnya seminggu sebelum pulang ke kampung.

Anda perlu memastikan keadaan tayar termasuk tayar simpanan, bateri, paras minyak pelincir, pendingin hawa, tali sawat, semua lampu kenderaan dalam keadaan baik serta berfungsi.

Fikirkan kemungkinan berlaku kecemasan ketika perjalanan anda. Justeru, jangan pandang remeh untuk membawa lampu suluh, payung, air simpanan dan fuis gantian.

Kerajaan sedang menguatkuasakan pemakaian tali pinggang keselamatan untuk semua penumpang ketika ini. Jadi, anda perlu pastikan penumpang dalam kenderaan anda memakainya ketika perjalanan ini.

Walaupun anda sudah biasa dengan struktur dan keadaan sepanjang jalan balik ke kampung, namun jangan ambil mudah mengenai tanda isyarat, papan tanda dan pengguna jalan raya lain terutama motosikal sepanjang laluan itu.

Dalam musim perayaan, lebuhraya akan sesak dengan kenderaan, oleh itu jangan mengekori kenderaan hadapan terlalu rapat.




Sila simpan nombor berikut dalam telefon bimbit anda:

Talian Bebas Tol SPANCO	1-800-88-6999
PLUSLine Merangkumi PLUS, ELITE, NKVE, Lebuhraya Persekutuan (Route 2), Lebuhraya Seremban-Port Dickson (SPDH), Lebuhraya Kulim-Butterworth (KLBK) dan Linkedua	1-800-88-0000
Jambatan Pulau Pinang (BRIDGELINE)	1300-1300-03
Lebuhraya Kuala Lumpur-Karak dan Lebuhraya Pantai Timur	09-547 9111
Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM): Laporan trafik dalam masa sebenar SMS WAP PDA	1-800-88-7752 37752 www.lmtrafik.gov.my/wap http://m.lmtrafik.gov.my/



Selain itu:

- Patuhi had laju yang ditetapkan.
- Jangan memecut ketika hujan dan pasang lampu hadapan bagi memberitahu pengguna lain bahawa anda turut berada di atas jalan.
- Awas setiap kali menghampiri bawah jejantas atau jambatan kerana mungkin ada penunggang motosikal berteduh di situ.
- Tingkatkan kesabaran anda ketika berdepan dengan pelbagai kerenah pemandu lain.
- Bertenang dan jangan terburu-buru apatah lagi cuba berlumba untuk sampai ke destinasi.
- Jangan memandu kalau anda rasa tidak sihat, fikiran tidak tenang atau tertekan.
- Berehat dahulu jika anda mengantuk atau letih sebelum memulakan atau meneruskan perjalanan.
- Ingat pesanan orang tua – jangan terlalu suka, nanti datang duka, jangan terlalu banyak ketawa nanti menangis. Elakkan perkara ini ketika memandu.



Persediaan sebelum memulakan perjalanan

Selain mengisi penuh tangki petrol, sediakan duit minyak, bayaran tol dan duit tambahan bagi kemungkinan kenderaan anda rosak di tengah jalan.

Memandangkan semua hentian rawat dan rehat (R&R) sesak, anda boleh membawa bekalan makanan dan minuman secukupnya untuk dinikmati sepanjang perjalanan yang mungkin mengambil masa lebih lama.

Pastikan anda juga cukup tidur dan rehat, segar dan bersedia untuk melakukan satu perjalanan. Jangan terikat dengan janji untuk tiba di destinasi pada waktu tertentu sehingga merasakan anda terlewat dan memaksa untuk memecut sedangkan keadaan lalu lintas ketika musim perayaan lazimnya sesak.

Bagi menghindarkan keletihan atau rasa mengantuk, pastikan anda tidur dan berehat secukupnya. Mulakan perjalanan sebelah pagi dan jangan memandu terlalu lama. Juga, elakkan memandu larut malam. Pastikan ada teman untuk berbual dan membantu mengawasi persekitaran atau menjadi pemandu gantian.

Anda juga perlu memastikan kenderaan anda ketika di kampung, sentiasa dalam keadaan bersih, selesa dan selamat.

SPANCO mengucapkan Salam Aidilfitri dan selamat bercuti kepada semua pelanggan sempena 1 Syawal ini.



Pastikan anda juga cukup tidur dan rehat, segar dan bersedia untuk melakukan satu perjalanan. Jangan terikat dengan janji untuk tiba di destinasi pada waktu tertentu sehingga merasakan anda terlewat dan memaksa untuk memecut sedangkan keadaan lalu lintas ketika musim perayaan lazimnya sesak.

Jangan Lupa Periksa Tayar Anda



PUSAT latihan memandu IAM Drive & Survive mencadangkan agar fleet sentiasa memeriksa keadaan tayar kenderaan mereka dengan kerap kerana tayar yang tidak cukup

angin akan haus lebih cepat berbanding tayar yang diisi angin secukupnya.

Para pakar industri mendakwa bahawa tekanan angin yang tidak cukup sebanyak **20 peratus** boleh memendekkan jangka hayat tayar sebanyak **30 peratus**. Selain itu, tekanan angin yang betul untuk kenderaan – dengan mengambil kira beban yang dibawa – boleh memberi kesan besar kepada kos bahan api anda. Ini kerana tekanan yang tidak cukup pada tayar akan meningkatkan penggunaan petrol sehingga **5 peratus**.

Ketua bahagian latihan di IAM Drive & Survive, Simon Elstow berkata: "Periksa tekanan tayar semasa ia sejuk, sekurang-kurangnya sebulan sekali atau lebih baik lagi seminggu sekali. Bagaimanapun jangan cuba untuk mengisi angin secara berlebihan. Ini boleh menyebabkan kenderaan sukar dikawal, kurang stabil semasa membrek dan membelok selain mengurangkan cengkaman."

IAM Drive & Survive mengesyorkan supaya anda kerap memeriksa kehausan, kerosakan dan tekanan tayar anda. Sekiranya tayar anda terkena paku, atau dinding sisinya rosak akibat terlanggar lubang atau bahu jalan, ia mungkin dapat diperbaiki sebelum kerosakan menjadi bertambah teruk.

IAM Drive & Survive adalah antara pertubuhan terkemuka di UK yang bergiat cergas dalam membantu mengurangkan risiko kepada pemandu.

sumber: Fleet News, UK

“Periksa tekanan tayar semasa ia sejuk, sekurang-kurangnya sebulan sekali atau lebih baik lagi seminggu sekali. Bagaimanapun jangan cuba untuk mengisi angin secara berlebihan. Ini boleh menyebabkan kenderaan sukar dikawal, kurang stabil semasa membrek dan membelok selain mengurangkan cengkaman.”



Tekanan
udara rendah



Tekanan
udara sepatutnya



Tekanan
udara berlebihan



Tahap tekanan udara menentukan corak haus pada tayar.

Kenali Dan Jinakkan Proton Inspira Anda



PROTON Inspira CVT 2.0 liter dilengkapi sistem kawalan elektronik dan inovasi kenderaan pintar (INVECS-III) yang secara automatik memilih nisbah gear terbaik berdasarkan keadaan jalan dan mengubahsuaikannya mengikut gaya pemanduan seseorang.

Sistem gantungan Inspira pula ditala oleh teknologi Lotus, disesuaikan untuk permukaan jalan raya Malaysia. Untuk itu, TAHNIAH diucapkan kepada pegawai-pegawai Kerajaan yang menerima Proton Inspira 2.0 Premium sebagai kereta rasmi jawatan mereka.

Bagi membantu pelanggan menggunakan kereta Proton model terbaru itu, berikut adalah serba sedikit panduan ringkas menggunakan ciri-ciri khas seperti CVT, *sports mode*, sensor hujan dan lampu automatik.

Transmisi CVT



Teknologi CVT (*Continuous Variable Transmission*) sangat digemari di kalangan pengeluar kereta mewah global berdasarkan keupayaannya memberikan pemanduan selesa dan prestasi lebih cekap.

Kelebihan CVT atau transmisi berubah selanjut:

- gear boleh ditukar dengan lancar
- menghapuskan kejutan transmisi
- memudahkan respons dan penghantaran kuasa konsisten
- menjimatkan penggunaan petrol.

Kedudukan tuil gear CVT:

- **P (PARK)** – Kedudukan ini mengunci transmisi. Disarankan kunci pencucuh dihidupkan pada kedudukan gear ini.
- **R (REVERSE)** – Kedudukan gear untuk mengundur kenderaan.
- **N (NEUTRAL)** – Kedudukan ini membebaskan transmisi sama seperti gear bebas pada transmisi manual.
- **N** digunakan ketika kereta berhenti bagi tempoh yang lama dalam kesesakan lalu lintas.
- **D (DRIVE)** – Kedudukan gear untuk memandu di mana CVT memilih nisbah gear yang paling sesuai secara automatik, bergantung kepada kelajuan kereta.
- Enjin hanya boleh dihidupkan apabila

gear diletakkan pada kedudukan **P** atau **N**.

- Bagi tujuan keselamatan, disarankan supaya kunci pencucuh dihidupkan dengan gear **P** kerana pada kedudukan itu, roda akan terkunci sekali gus dapat menghindarkan pergerakan kereta yang tidak diduga akibat permukaan yang tidak rata.
- Ketika menukar gear dari kedudukan **P** dan **N**, pastikan:
 - pedal brek ditekan;
 - pedal minyak dilepaskan dan tidak sekali-kali ditekan.
- Untuk meningkatkan kelajuan kereta ketika memandu, anda hanya perlu menekan pedal minyak secukupnya. CVT akan menukar ke gear lebih rendah secara automatik.
- Ketika pendakian bukit, CVT tidak akan menukar ke gear lebih tinggi jika didapati kelajuan kereta tidak dapat dikekalkan.
- Ketika menurun bukit, CVT akan menukar ke gear lebih rendah bagi membantu daya pemberhentian sekali gus mengurangkan penggunaan brek.
- Awas! Hanya masukkan ke gear **D** dari kedudukan **R** apabila kereta sudah berhenti sepenuhnya bagi mengelakkan kerosakan.

Sports mode dan paddle shifts

Walaupun Inspira bertransmisi automatik, pemandu boleh mengubah gear secara manual melalui *sports mode*. Selepas memasukkan gear ke *sports mode*, pemandu hanya perlu menolak tuil ke depan untuk menukar ke gear lebih tinggi dan ke belakang untuk ke gear lebih rendah. Penukaran gear juga boleh dilakukan melalui tuil *paddle shifts* pada stereng.



Berikut ialah had kelajuan bagi gear CVT yang disarankan oleh PROTON:

Kedudukan gear CVT		Had kelajuan
D (DRIVE)		130 km/j
Untuk sports mode iaitu secara manual	Pertama	50 km/j
	Kedua	60 km/j
	Ketiga	70 km/j
	Keempat	90 km/j
	Kelima	120 km/j
	Keenam	130 km/

Cruise control



Kawalan krus (*cruise control*) ialah sistem kawalan automatik yang mengekalkan kelajuan kereta seperti dikehendaki pemandu. Suis sistem ini terletak pada bahagian kanan stereng bagi memudahkan pemandu mencapainya.

Lampu amaran

Skrin maklumat memaparkan pelbagai info penting seperti jarak perbatuan, peringatan untuk melakukan penyenggaraan berjadual, paras suhu pendingin enjin, baki bahan api, kedudukan gear, kadar penggunaan bahan api, kadar kelajuan dan meter kawalan kecerahan.

Jika terdapat kegagalan sistem CVT ketika memandu, amaran **SLOW DOWN** atau **SERVICE REQUIRED** akan dipaparkan pada skrin maklumat.

Amaran **SLOW DOWN** berpunca daripada suhu cecair transmisi CVT terlalu tinggi yang mengakibatkan unit kawalan enjin dihidupkan bagi mengurangkan kepanasan itu. Apabila ini berlaku, kisaran enjin dan kelajuan kereta akan diperlahankan oleh sistem dengan sendirinya.

Dalam keadaan ini, anda patut memperlakukan kereta kemudian berhenti di tempat yang selamat dengan gear diletakkan pada kedudukan **P**. Selepas itu, buka bonet kereta dengan enjin masih hidup bagi mengurangkan suhu enjin.

Anda boleh meneruskan pemanduan jika tiada lagi amaran dipaparkan pada skrin maklumat.

Tetapi jika amaran tidak padam atau kerap muncul selepas itu maka kereta hendaklah dibawa ke Pusat Servis Diiktiraf terdekat untuk diperiksa.

Ingat, pemanduan yang laju untuk satu tempoh lama dan jauh serta pemanduan mendaki bukit juga boleh menyebabkan enjin menjadi terlampau panas.

Jika ini berlaku, jangan matikan enjin serta-merta sebaik saja memberhentikan kereta. Sebaliknya, biarkan enjin melahut satu atau dua minit sebelum

memadamkan kunci pencucuh.

Suis lampu pada kedudukan AUTO

Dengan kunci pencucuh dihidupkan dan suis lampu pada kedudukan AUTO maka lampu hadapan, belakang, plat lesen dan lampu panel paparan peralatan di dalam kabin kereta akan ternyala dan terpadam secara automatik bergantung kepada paras cahaya di luar.

Pada kedudukan ini, paras kecerahan lampu pada panel paparan peralatan turut disesuaikan mengikut tahap kecerahan di luar kereta. Apa pun, semua lampu akan terpadam secara automatik apabila kunci pencucuh dimatikan.

Sensor hujan



Sensor boleh digunakan apabila kunci pencucuh dihidupkan. Dengan suis pada kedudukan AUTO, sensor hujan akan mengesan kelembapan di luar seterusnya pengelap cermin hidup secara automatik.

Peralatan ini berfungsi dengan mengesan pergerakan butiran air hujan atau habuk di luar kereta melalui pengesan pada cermin kereta. Justeru, jangan halang sensor itu dengan sebarang pelekat kerana ia akan mengakibatkan sensor hujan gagal berfungsi.

Pelanggan SPANCO disaran merujuk buku panduan yang dibekalkan bersama kenderaan itu untuk mengetahui lebih lanjut ciri-ciri pada Inspira.

“Pemanduan yang laju untuk satu tempoh lama dan jauh serta pemanduan mendaki bukit juga boleh menyebabkan enjin menjadi terlampau panas.”

Sistem AEB Masa Depan Keselamatan Jalan Raya?

JIKA semua kereta di Britain dipasang dengan sistem Brek Kecemasan Autonomi atau *Autonomous Emergency Braking* (AEB), sejumlah 271,000 kemalangan jalan raya dapat dikurangkan kesannya atau dielakkan terus, demikian menurut pusat penyelidikan dan pengumpulan data Thatcham yang berpangkalan di UK.

Sistem AEB yang kini semakin luas penerimaannya mampu mengesan kemungkinan sesuatu pelanggaran dan akan membuat brek kecemasan secara automatik sekiranya sistem ini mengesan bahawa pemandu tidak menggunakan brek yang cukup atau tidak cuba membelok untuk mengelakkan pelanggaran.

Menurut ketua eksekutif Thatcham, Peter Shaw, teknologi ini mampu mengurangkan dan mengelakkan kecederaan serius, mengurangkan kerosakan kenderaan selain menurunkan kos tuntutan kenderaan secara jangka panjang.

Pihak Jabatan Pengangkutan UK turut



Kebanyakan pengeluar kereta menawarkan sistem AEB sebagai sebahagian daripada pakej keselamatan yang digabungkan dengan teknologi keselamatan yang lain.

bersetuju dan menggalakkan industri insurans untuk mempertimbangkan penggunaan sistem ini kerana mampu memberi faedah kepada keselamatan di jalan raya selain berpotensi menurunkan kos insurans kenderaan.

Namun menurut pembekal sistem pengurusan trafik Roadsafte pula, pengurusan fleet di UK agak lambat memanfaatkan teknologi ini.

Kajian yang dilaksanakan di 10 buah negara Eropah mengenai penerimaan penggunaan teknologi e-Keselamatan (seperti kawalan kestabilan elektronik, pengawasan *blind spot* dan AEB) oleh para pengguna kenderaan mendapati Britain berada pada kedudukan terakhir bagi kesedaran empat daripada enam sistem yang ada walaupun sistem ini mampu menyelamatkan ribuan nyawa dan mengelakkan kecederaan jika digunakan dengan meluas.

Bagaimana teknologi AEB berfungsi

Sistem brek automatik bermula dengan sistem *Adaptive Cruise Control* di mana unit radar yang dipasang pada gril kenderaan mengawasi jalan di hadapan selain memanipulasikan kawalan enjin kereta dan brek untuk mengekalkan serta melaraskan kelajuan agar kenderaan berada pada jarak yang selamat.

Kemajuan dalam teknologi pengesanan telah membawa kepada teknik mengesan objek yang lebih canggih di mana



sesetengah sistem AEB mempunyai kepekaan yang tinggi untuk mengesan pejalan kaki. Manakala sistem yang lebih murah pula mempunyai fungsi yang agak terhad.

Sebagai contoh, sistem Active City Stop yang dimiliki Ford, hanya berfungsi pada kelajuan rendah dan direka untuk menangani pelanggaran bahagian depan dan belakang kenderaan. Pengesan kamera juga merupakan satu opsyen kos rendah yang berupaya membezakan pejalan kaki. Namun demikian, prestasinya agak terjejas dalam keadaan gelap dan cuaca buruk.

Manakala pengesan radar pula lebih mahal dan boleh berfungsi pada kelajuan sehingga 125 bsj dan meliputi jarak 200m di hadapan kenderaan. Opsyen yang paling mahal ialah gabungan pengesan di mana kamera dan pengesan radar sama-sama bekerja untuk keselamatan.

Sebuah kumpulan ujian AEB – yang turut dianggotai oleh Thatcham – sedang membangunkan prosedur ujian piawai bagi menilai prestasi sistem AEB dan memberi nasihat untuk memilih sistem mana yang lebih baik.

Sistem Active City Stop daripada Ford, Collision Mitigation Brake System daripada Honda, Pre-Safe Brake milik Mercedes-Benz dan City Safety daripada Volvo masing-

masing telah mendapat pengiktirafan EuroNCAP.

Pemasangan standard

Kebanyakan pengeluar kereta menawarkan sistem AEB sebagai sebahagian daripada pakej keselamatan yang digabungkan dengan teknologi keselamatan yang lain



seperti sistem bantuan pengekal lorong laluan dan sistem pengawasan *blind spot*.

Menurut jurucakap Volkswagen, sukar untuk menentukan bila sistem AEB akan menjadi pakej standard untuk kenderaan. Semuanya bergantung pada reaksi serta permintaan pasaran. Ini mungkin kerana tahap kesedaran tentang sistem ini masih lagi rendah. Ia turut dipersetujui oleh BMW yang masih belum menjadikan AEB sebagai pilihan standard.

Walau bagaimanapun, Volvo sudah menjadikan City Safety sebagai ciri standard bagi beberapa model dan

menjangkakan AEB akan memainkan peranan utama dalam model-model yang lebih kecil selaras dengan Visi 2020 pengeluar kenderaan itu yang mahukan tidak seorang pun akan terkorban atau cedera teruk dalam kereta Volvo yang baru.

Manakala Honda pula sebagai antara pembuat kereta pertama yang menawarkan AEB bercadang untuk memperkenalkan teknologi keselamatan termaju ini kepada kereta keluarga yang lebih kecil saiznya dan yang mampu dimiliki.

Mendidik pemandu

Apa pun, sekiranya pengurus fleet memperkenalkan sistem AEB dalam fleet mereka, para pemandu perlu dididik agar mereka memahami bagaimana teknologi ini berfungsi serta mengetahui had sistem keselamatannya. Ini kerana AEB bukanlah penyelesaian yang muktamad memandangkan sistem ini tidak dapat menghalang setiap pelanggaran.

Para pengeluar kereta pula menyatakan bahawa mereka telah menghasilkan daya pemberhentian yang agak kasar supaya pemandu tidak menjadi terlampau leka ketika memandu.

sumber: Fleet News, UK



Nikmatilah keenakan secawan Kopi Segera Indocafe Original Blend. Alami kesegaran biji kopi terpilih yang ditanam di kawasan pergunungan Mandheling, Sumatera Utara.

Kopi Segera Indocafe Original Blend adalah 100% kopi asli. Campuran unik biji kopi Arabica dan Robusta memberikan rasa dan aroma kopi yang mampu memenuhi selera penggemar kopi tanpa meninggalkan rasa masam selepas minum.

Tidak kira sama ada anda menggemari kopi o atau kopi susu, Indocafe adalah pilihan yang tepat untuk kepuasan kopi anda.



Jom Kita 'Pekena' Kopi



SIAPA sangka minuman istimewa yang berwarna hitam, berasa pahit dan berbau wangi ini menjadi minuman kegemaran seluruh dunia. Ini tidak menghairankan kerana kopi menjadi pilihan ramai pada pagi-pagi lagi untuk menyegarkan diri selain minuman penutup selepas menikmati hidangan makanan yang lazat.

Tidak semua kopi dihidangkan begitu sahaja kerana penduduk Asia Tenggara seperti di Indonesia dan Vietnam menggemari kopi manis yang dicampurkan susu pekat. Walaupun kopi boleh dihidangkan dalam pelbagai cara, aromanya yang harum tetap sama dan inilah yang menyebabkan minuman ini digemari ramai.

Tidak kira sama ada anda menggemari kopi panas, dengan ais, kosong atau campur susu, kita patut menghargai penemuannya oleh seorang gembala kambing dari Habsyah di Afrika lebih 1,200 tahun dahulu.

Lima fakta ringkas mengenai kopi

1. Bermula dari Afrika dan Timur Tengah, kopi tersebar ke Eropah pada abad ke-17 dan kemudiannya dibawa ke Asia

oleh Belanda yang mula menanam kopi di tanah jajahan mereka di Pulau Jawa. Kopi dibawa ke koloni Amerika pada awal abad ke-19.

2. Terdapat 59 jenis kopi, tetapi hanya empat jenis yang ditanam secara komersil iaitu Arabica, Robusta, Liberica dan Excelsa. Hampir 90 peratus kopi yang dihasilkan di dunia terdiri daripada jenis Arabica, yang mempunyai variasinya sendiri seperti Java dan Mocha.
3. Berdasarkan penyelidikan yang dijalankan, kopi memberikan pelbagai faedah, antaranya meningkatkan tenaga, menghilangkan rasa lapar, mengurangkan rasa mengantuk serta menghindarkan stres. Kopi turut dikaitkan dengan peningkatan kesuburan seseorang!
4. Dalam dunia perubatan, kafein yang terdapat di dalam kopi digunakan sebagai bahan untuk pelbagai jenis ubatan seperti ubat batuk.
5. Antara jenis minuman kopi yang popular adalah campuran kopi (3 dalam 1), kapucino, espresso, café latte, kopi perisa buah-buahan dan banyak lagi.



INDOCAFE®



Kopi Gunung Mandheling Sumatra

كوفي كونيغ مندايغ سوماترا

苏门答腊曼特宁高山咖啡

குனோங் மண்டெலிங் சுமத்ரா காப்பி



Tali pinggang keledar di belakang bukannya hiasan. Gunakannya.



**Gunakan Tali Pinggang Keledar Di Belakang.
Anda Mampu Mengubahnya.**